

Dimanakah Allah SWT berada?

- 1 Apakah jawapan yang paling baik untuk dimaklumkan kepada orang yang bertanyakan soalan di atas?
- A Allah berada di atas.
 - B Allah tidak bertempat.
 - C Allah berada di kiri dan kanan kita.
 - D Allah berada di mana-mana sahaja.

Bagaimanakah bentuk Allah SWT?

- 2 Apakah jawapan yang paling **tepat** untuk kita maklumkan kepada orang yang bertanya soalan di atas?
- A Allah tidak sebanding dengan apa-apa makhluk.
 - B Allah juga mempunyai anggota badan seperti tangan.
 - C Allah mempunyai penglihatan yang berbeza dengan manusia.
 - D Allah mempunyai pendengaran yang berbeza dengan manusia.

BAHAGIAN B
[30 MARKAH]
JAWAB **SEMUA** SOALAN

SOALAN 1

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan Fiqh dari segi bahasa dan istilah?

(2 markah)

- 2 Nyatakan **empat (4)** contoh perbahasan Fiqh.

(4 markah)

- 3 Berikan pengertian Muallaf yang paling tepat dari segi istilah.

(2 markah)

- 4 Berikan kesan-kesan yang boleh terjadi sekiranya seseorang tidak mempelajari Fiqh Muallaf?

(2 markah)

SOALAN 2

- 1 Apakah larangan yang Nabi Muhammad SAW gariskan bagi Muslim yang ingin Mengkaji kitab agama selain Islam?

(2 markah)

- 2 Berikan pembahagian adat dan budaya sebelum memeluk agama Islam.

(2 markah)

- 3 Berikan **dua (2)** contoh adat budaya yang bertentangan dengan Islam.

(2 markah)

- 4 Apakah hukum orang bukan Islam membaca al-Qur'an menurut pandangan Imam As-Syafie?

(4 markah)

SOALAN 3

- 1 Apakah perkara asas yang perlu dilakukan sekiranya seseorang ingin memeluk agama Islam?

(2 markah)

- 2 Berikan dua (2) nama sahabat daripada golongan hamba yang telah menjadi golongan terawal yang memeluk agama Islam.

(2 markah)

- 3 Nyatakan pendapat Imam As-Syafie RA dan Imam Malik RA tentang hukum berkhatan bagi

a) Lelaki _____

b) wanita _____

(2 markah)

- 4 Berikan contoh-contoh keadaan yang diharuskan untuk seorang Muallaf menyembunyikan keislamannya.

(4 markah)

SOALAN TAMAT